




Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
No. Telefon: 03-80642400  
No. Fax: 03-80642429

E-mel: [ndcc@nadma.gov.my](mailto:ndcc@nadma.gov.my); [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my)

## NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



Masa dikeluarkan:  
11:45 pagi; 20 Disember 2024

### **BURUK:** Hujan lebat berterusan dijangka berlaku

sehingga 22 Disember 2024

**Sarawak:** Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah dan Bintulu

### **WASPADA:** Hujan berterusan dijangka berlaku

sehingga 22 Disember 2024

**Sarawak:** Kapit (Song dan Kapit), Miri (Subis, Beluru, Miri dan Marudi) dan Limbang • **Sabah:** Pedalaman (Sipitang, Tenom, Kuala Penyu, Beaufort, Keningau dan Tambunan), Pantai Barat, Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan) dan Kudat • **WP Labuan**

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada **11.45 pagi, 20 Disember 2024** telah mengeluarkan **Amaran Hujan Berterusan Buruk (Jingga)** dan **Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning)** seperti yang dipaparkan di atas.

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/ Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/ Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi/ Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.**

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari

semasa ke semasa melalui talian telefon **03-8064 2400**, faksimili **03-8064 2429** dan alamat e-mel [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my).

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
Jabatan Perdana Menteri

**20 Disember 2024**